

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 6/10/2008

## Jangan bentuk pasukan – Dr. M

KUALA LUMPUR 5 Okt. – Tun Dr. Mahathir Mohamad berharap calon yang akan bertanding jawatan tertinggi UMNO pada pemilihan Mac depan tidak membentuk pasukan kerana ia tidak akan membawa kebaikan kepada parti.

Bekas Presiden UMNO itu berkata, budaya kempen pemilihan Presiden Amerika Syarikat itu tidak sesuai diamalkan di dalam UMNO kerana ia menyukarkan individu yang menang untuk bekerjasama dengan calon daripada pasukan lain yang turut dipilih oleh perwakilan.

“Kita tidak perlu ada pasukan. Kalau kita menang, ahli pasukan kita tidak menang, hendak bekerjasama dengan orang yang lawan dengan kita ini susah.

“Saya hanya memberi pandangan dan ini terpulang kepada dia orang (untuk membentuk pasukan atau tidak),” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas meraikan lebih 15,000 orang yang menghadiri Rumah Terbuka

*um-6/10/2008*  
Hari Raya Aidilfitri di kediamannya di Seri Kembangan di sini hari ini.

Ditanya pengumuman Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam untuk bertanding jawatan Timbalan Presiden parti, Dr. Mahathir berkata, langkah itu bagus kerana menunjukkan UMNO demokratik.

“Jangan main kotor sudahlah, jangan bayar duit dan jangan sogok. Kita tunjuk kebolehan kita dan insya-Allah orang akan pilih kita.

“Tetapi kalau guna tekanan, hendak pulas tangan orang dan hendak tarik balik kontrak, ini bukan demokrasi. Isu sama ada mereka menawarkan diri terlalu awal, ini mereka punya hal,” ujarnya.

Mengenai keputusannya untuk kembali menyertai UMNO, bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau bersedia berbuat demikian dengan syarat orang lain yang mengikutnya keluar parti turut diterima masuk.